



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (63)  
Tarikh : 6 Oktober 2021

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PENAFIAN IKLAN PEMBERI PINJAMAN WANG DI BAWAH SKIM PINJAMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

---

**PUTRAJAYA, 6 OKTOBER 2021** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) **MENAFIKAN IKLAN TAWARAN PEMBERI PINJAMAN WANG YANG MENAWARKAN SKIM ‘PINJAMAN KWSP’** yang tular di laman web dan media sosial oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. KPKT telah mengesan iklan-iklan yang menyasarkan pemilik akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan menggunakan nama Syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen atau Kredit Komuniti yang berdaftar di bawah KPKT.

Iklan-iklan tersebut menawarkan pinjaman dengan kadar faedah antara 5% hingga 7% sebulan yang jauh melebihi kadar faedah yang ditetapkan di dalam Akta Pemberi Pinjam Wang (1951) iaitu maksimum 1.5% sebulan atau 18% setahun bagi pinjaman individu serta maklumat pinjaman mencurigakan yang bertujuan untuk memperdaya orang ramai.

KPKT memandang serius akan penularan maklumat dan iklan ini yang dikhuatiri bukan sahaja menjaskasni imej dan kredibiliti sektor Kredit Komuniti bahkan akan turut memberi implikasi negatif kepada orang ramai khususnya peminjam yang terjebak dengan aktiviti yang tidak bertanggungjawab ini.

Sehubungan itu, KPKT menasihatkan orang ramai agar berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan penawaran skim pinjaman yang seringkali mengaitkan Syarikat Kredit Komuniti yang berlesen di bawah KPKT. Urusan dengan pihak Kredit Komuniti hanya boleh berlaku di dalam premis perniagaan yang berdaftar dan sah sahaja. Di

samping itu, orang ramai perlu sentiasa mendapatkan pengesahan maklumat daripada KPKT terlebih dahulu sebelum membuat sebarang perjanjian dan tidak menandatangani sebarang perjanjian kosong.

KPKT juga ingin menegaskan bahawa mana-mana Syarikat Kredit Komuniti berlesen yang didapati terlibat dengan pinjaman yang mengelirukan atau mengenakan kadar faedah yang tinggi boleh dikenakan tindakan tegas selaras dengan Seksyen 17A Akta 400 yang memperuntukkan denda maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya sekali.

Sebarang aduan boleh dikemukakan secara dalam talian melalui Sistem Aduan Bersepadu KPKT iaitu ***aduan.kpkt.gov.my***, **aplikasi mudah alih i-KrediKom**, Talian Hotline Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK) di talian **03-8891 4694/4690** ataupun hadir di **Kaunter Aduan KPKT** di Aras 1, KPKT di Putrajaya.

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
6 OKTOBER 2021**

**-TAMAT-**